

Kelas Pertama!

►Kejuruteraan Mekanikal ►Sains Hayat ►Pengurusan Perniagaan



GIGIH BERUSAHA: Tiga pelajar Universiti Nasional Singapura (NUS) ini – (dari kiri) Encik Muhammad Khairul Anwar Jamil, Encik Khalid Othman dan Cik Syasya Naqiyah Amir – meraih Kejujian (Kecemerlangan Tertinggi) yang merupakan versi Kejujian Kelas Pertama NUS. – Foto UNIVERSITI NASIONAL SINGAPURA

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

ASPIRASI mahu terbang lebih tinggi sekali gus membangun kerjaya dalam bidang yang diminati.

Inilah yang ingin dilakukan tiga siswazah Kejujian (Kecemerlangan Tertinggi) Universiti Nasional Singapura (NUS), Encik Muhammad Khairul Anwar Jamil, Cik Syasya Naqiyah Amir dan Encik Khalid Othman.

Kejayaan meraih kejujian tertinggi itu yang juga merupakan versi Kejujian Kelas Pertama NUS terus membakar semangat ketiga-tiga anak muda ini mahu mengejar cita-cita dan impian mereka.

Encik Muhammad Khairul, 28 tahun,

siswazah jurusan Kejuruteraan Mekanikal, tidak menyangka diterima bekerja sebagai jurutera mekanikal di syarikat khidmat medan minyak terbesar di dunia.

Beliau akan ke Ecuador bulan depan selama lebih setahun untuk melihat bagaimana operasi pelantar minyak dijalankan di sana sebelum membawa balik pengalaman yang diraih dan mengongsinya bersama kakitangan syarikat itu yang turut membuka cawangan di sini.

Namun, menurut anak lima beradik ini, kecemerlangan akademik sahaja bukan faktor utama yang dicari majikan, sepertimana pengalaman yang dilaluinya.

“Memang kelayakan akademik penting, tetapi daripada pengalaman saya memohon pekerjaan, saya mendapati majikan bukan melihat kejayaan akademik sa-

haja. Ada yang jauh lebih baik daripada saya. Tetapi akhirnya, majikan juga melihat personaliti dan nilai positif yang ada pada seseorang pemohon pekerjaan,” kata beliau.

Bagi Encik Khalid pula, yang mengambil jurusan Sains Hayat dan telah menjalani program ijazah bersama di NUS dan Universiti North Carolina di Chapel Hill, Amerika Syarikat (UNC), mengongsi pengetahuan dalam bidang biologi bersama pelajar muda lain merupakan sesuatu yang ingin dilakukannya.

“Saya mahu membentuk corak pemikiran pelajar muda kita agar terus minat dalam bidang biologi dan juga subjek geografi, satu lagi subjek kegemaran saya,” ujarnya yang kini mengajar di Sekolah Menengah Serangoon.

Siswazah bidang pentadbiran perniagaan, Cik Syasya Naqiyah, 23 tahun, pula berharap dapat memimpin syarikat sumber kemanusiaan satu hari nanti.

“Saya memang mahir dalam memahami manusia dan bagaimana mereka bekerja antara satu sama lain. Justeru saya rasa bidang sumber kemanusiaan ini merupakan cara terbaik bagi saya mengaplikasikan pengetahuan yang telah saya pelajari,” ujarnya.

Majlis konvokesyen siswazah NUS sedang berlangsung sepanjang dua minggu ini dan ia dijadual berakhir esok. – **Laporan tambahan PUTRI MARDHIYAH YAZID.**

Cemerlang dek sokongan famili dan lawan rasa malu

– Muka 11

Pelbagai jerih payah mereka hadapi, tetapi kecekan hati mahu menggenggam segulung ijazah mendorong mereka berusaha bersungguh-sungguh hingga mencapai kejayaan kelas pertama. **SHAHIDA SARHID** (sshahida@sph.com.sg) dan **PUTRI MARDHIYAH YAZID** (yputri@sph.com.sg) memaparkan tiga anak muda itu.



CIK SYASYA NAQIYAH AMIR: Sebagai pelajar, beliau tidak boleh mengambil sikap sambil lewa terhadap pelajarannya. Beliau juga tidak suka menanggukkan kerja diberikan kepadanya. – Foto NUS

Tetap unggul walau luang masa untuk kerja amal

BELIAU sering melakukan kerja kebajikan, misalnya menganjurkan kem belia di rumah tumpangan Jamiyah, walau masih menuntut.

Bagi Cik Syasya, Naqiyah Amir, 23 tahun, naib presiden jawatankuasa belia Jamiyah, kerja kebajikan tidak menjejaskan tumpuannya dalam pelajaran.

Ini dibuktikan dengan kejayaannya lulus ijazah sarjana muda dengan kepujian-kecemerlangan tertinggi (serupa kepujian kelas pertama) dalam pentadbiran perniagaan daripada Universiti Nasional Singapura (NUS).

Malah, beliau berjaya tersenarai dalam senarai dekan sebanyak empat kali sepanjang pengajian di NUS, kali terakhir pada semester lalu.

Namun, Cik Syasya mengakui kejayaan yang dinikmatinya itu tidak diperolehi dengan mudah.

“Saingan amat sengit. Di sekolah, ramai inginkan keputusan cemerlang. Jadi, kita, sebagai pelajar, tidak boleh mengambil sikap sambil lewa terhadap pelajaran,” ujar beliau, yang mendapat gred purata mata (GPA) 4.54 daripada 5 mata keseluruhan.

Menurutnya, setiap pelajar dinilai berdasarkan apa yang dibentangkan dan dibincangkan dalam kelas.

“Oleh itu, saya harus memastikan apa yang saya sampaikan sewaktu perbincangan mempunyai inti yang baik agar pnsyarah boleh menilai kami dengan lebih baik,” ujar beliau.

Menurut Cik Syasya, beliau didorong oleh minat dalam sesuatu perkara yang beliau lakukan.

“Apabila saya sukakan sesuatu, saya akan memastikan yang saya melakukannya dengan bersungguh-sungguh.

“Lagi pula bapa saya, Encik Amir Marjuri, membiayai perbelanjaan sekolah saya menggunakan simpanannya sendiri. Jadi saya harus memanfaatkannya dan tidak membazirkannya. Ibu saya pula, Cik Zhareena Abdul Rahim, selalu menggalak saya supaya mengharumkan nama bangsa Melayu,” tambahnya.

Cik Syasya, yang memilih pengkhususan dalam bidang pengurusan dan modal manusia, serta minor dalam psikologi, berkata beliau menjalani dua program bekerja sambil belajar (*internship*) semasa cuti sekolah.

“Dengan berbuat demikian, saya dapat memahami lebih lanjut mengenai bidang komunikasi manusia. Di samping itu, saya belajar berdiskusi semasa melakukan tugas yang diberi,” ujar beliau, yang bercita-cita menjadi pengarah syarikat sumber manusia.

Sebagai nasihat kepada pelajar lain, Cik Shasha berkata:

“Sentiasa fokus dan konsisten dalam pelajaran. Jangan tangguh untuk belajar dan tunggu hingga peperiksaan hampir tiba. Yang penting, lakukan yang terbaik dalam apa sahaja bidang yang diceburi.”

Cemerlang dek sokongan famili dan lawan rasa malu



GANJARAN TABAH PERTINGKAT DIRI: Encik Muhammad Khairul Anwar Jamil melanjutkan pelajaran ke politeknik dan bekerja keras hingga mendapat keputusan cemerlang dan layak ke NUS – dan mengulangi usaha serta pencapaian itu di universiti. – Foto-foto NUS

KEPUTUSAN peperiksaan GCE ‘A’ beliau tidak memuaskan. Ia membuat beliau malu.

Setelah menjalani Perkhidmatan Negara (NS) selepas tamat pengajian di Maktab Rendah Victoria, Encik Muhammad Khairul Anwar Jamil, mendapati sukar mendapatkan pekerjaan dengan sijil yang mengecewakan itu.

Ini membangkitkan semangat beliau mahu menggenggam diploma.

Encik Muhammad Khairul membebankan diri dan mengetepikan rasa malu untuk meneruskan pengajian di peringkat diploma.

Usaha itu ternyata berbaloi – beliau berjaya di politeknik hingga layak memasuki Universiti Nasional Singapura (NUS) dan akhirnya lulus dengan kepujian-kecemerlangan tertinggi, iaitu serupa kepujian kelas pertama.

“Memang pada awalnya saya sendiri

ragu-ragu (untuk memasuki politeknik). Malu pun ada. Maklumlah, pelajar tahun pertama di politeknik pastinya yang jauh lebih muda daripada saya,” ujar Encik Muhammad Khairul, 28 tahun.

Bagaimanapun, anak sulung dalam kalangan lima adik-beradik itu melawan perasaan malu itu dan, dengan sokongan padu keluarga, beliau mengikut pengajian kejuruteraan mekanikal di Politeknik Singapura.

“Ada daripada adik-beradik saya sudah mula bekerja, walhal saya sebagai anak sulung masih menuntut. Sepatutnya, saya sudah mula menyumbang kembali kepada keluarga.

“Tetapi saya amat bersyukur, keluarga saya amat memahami dan sering memberikan kata-kata perangsang kepada saya sehingga saya dipilih menjadi valediktorian apabila tamat pengajian di politeknik,” kongsi anak bujang itu.

Anak pasangan pemandu teksi dan suri rumah itu sudah ditawarkan pekerjaan sebagai jurutera mekanikal di salah sebuah syarikat khidmat medan minyak terbesar di dunia.


Encik Muhammad Khairul akan ke Ecuador bulan depan bagi memulakan pekerjaannya.

Beliau menasihatkan siswazah yang baru lulus daripada universiti supaya tidak putus asa dalam usaha mencari pekerjaan.

“Memang kelayakan akademik penting, tetapi daripada pengalaman saya memohon pekerjaan, saya mendapati majikan bukan melihat kejayaan akademik sahaja.

“Seingat saya, ada pemohon yang mempunyai keputusan jauh lebih baik daripada saya. Tetapi akhirnya, majikan juga melihat personaliti dan nilai positif yang ada pada seseorang pemohon pekerjaan,” kata beliau.

Capai ijazah sains hayat dua universiti



ENCIK KHALID OTHMAN: Membuat kajian mengenai spesies katak günther’s bagi projek akhir tahunnya. Beliau menggunakan sehingga 40 katak dalam kajiannya itu.

TIDAK mudah mencapai ijazah universiti.

Namun, Encik Khalid Othman meraih ijazah daripada dua universiti – Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti North Carolina di Chapel Hill, Amerika Syarikat (UNC) – serentak.

Malah, beliau, 25 tahun, lulus dengan kepujian-kecemerlangan tertinggi (serupa kepujian kelas pertama).

Encik Khalid mengikuti program ijazah sains hayat bersama NUS dan UNC, dengan meluangkan masa tiga semester di UNC, dan lima di NUS.

Walaupun terpaksa ke Amerika demi menuntut ilmu, beliau tidak berasa ia menyukarkan, sebaliknya cepat menyesuaikan diri dengan keadaan di sana.

“Rasanya lebih senang bagi saya menyesuaikan diri di Amerika berbanding di Singapura.

“Saya sudah menuntut di negara orang lebih setahun. Sistem pembelajaran di Amerika juga lebih relaxed, dan mereka lebih banyak membantu dan memberi semangat positif kepada saya.

“Apabila saya pulang ke sini, saya rasa agak payah hendak menyesuaikan diri semula dengan sistem pembelajaran yang begitu cepat lagi kompetitif.

“Oleh itu, saya mengambil masa lebih lama untuk menyesuaikan diri semula di sini,” kata Encik Khalid, yang lima kali dimasukkan ke dalam senarai dekan.

Keadaan itu tidak mematahkan semangat Encik Khalid, malah menyemarakkan azamnya ingin berjaya.

Encik Khalid, yang berminat melakukan penyelidikan tentang haiwan, membuat kajian tentang spesies katak Günther’s bagi projek akhir tahunnya.

“Saya lebih gemar melakukan penyelidikan mengenai haiwan daripada tumbuh-tumbuhan kerana saya berasa ia lebih menyeronokkan,” ujar beliau.

Penyelidikan beliau selama setahun melibatkan hingga 40 katak dan memerlukan beliau mengambil pelbagai ukuran, termasuk saiz badan, dan apa yang dimakan katak jenis itu, dan tempat ia sering ditemui.

Menurut Encik Khalid, katak Günther’s jarang ditemui, terutama di Singapura.

Beliau sekarang menjadi guru biologi dan geografi di Sekolah Menengah Serangoon.

“Saya baru membina kerjaya sebagai guru selama dua minggu. Memang sukar, tapi saya masih berusaha menyesuaikan diri mengajar,” ujarnya.